

*Ulasan Kepustakaan*

**Tinjauan Awal Terhadap Tindakan British Dalam Usaha Berkaitan Proses Berkerajaan Sendiri di Singapura, 1948-1959**

(*Preliminary Review of British Actions in Efforts to Related to the Self-Government Process in Singapore, 1948-1959*)

Muhammad Naim Fakhirin Rezani

Fakulti Pengajian Umum dan Pendidikan Lanjutan, Universiti Sultan Zainal Abidin,  
21300 Kuala Terengganu, Terengganu, Malaysia

\*Pengarang Koresponden: [naim\\_fakhirin@yahoo.com](mailto:naim_fakhirin@yahoo.com)

Diserah: 06 Januari 2025  
Diterima: 27 Mac 2025

**Abstrak:** Perkembangan nasionalisme yang berlaku pasca pendudukan Jepun pada 1945 menyebabkan rakyat tempatan mula berminat untuk terlibat secara langsung dalam politik negara. Berdasarkan kepada perkembangan tersebut, desakan terhadap pembentukan kerajaan sendiri tanpa campur tangan dari penjajah semakin menebal dalam kalangan masyarakat tempatan dan keadaan ini turut berlaku di Singapura. Perkembangan kesedaran nasionalisme di Singapura menyebabkan British bertindak dan mula menyusun tindakan bagi proses berkerajaan sendiri di negara ini bermula dari 1948. Justeru itu, tempoh tersebut dianggap sebagai permulaan terhadap perubahan landskap politik di Singapura melalui pengenalan sistem pilihan raya pada 1948. Selaras dengan tindakan tersebut, Perlembagaan Singapura turut dipinda. Kedua-dua proses untuk berkerajaan sendiri berlaku di Singapura sehingga 1959. Kajian ini menggunakan sumber primer yang diperoleh dari *National Archive UK* seperti rekod dari *Foreign Office*, *Foreign Commonwealth Office* dan *Colonial Office*. Selain itu, dokumen dari *National Archive Singapore* seperti dokumen dari *Election Department* turut dijadikan sebagai sumber untuk rujukan. Dapatan kajian ini merumuskan tindakan yang dilakukan oleh British dalam usaha mempersiapkan proses berkerajaan sendiri di Singapura pada peringkat awal merangkumi dua tindakan utama iaitu pindaan perlembagaan dan perlaksanaan terhadap proses pilihan raya yang dilakukan dalam tempoh 1948-1959.

**Kata kunci:** Singapura; politik; kolonial; British; pilihan raya; perlembagaan

**Abstract:** The development of nationalism that occurred after the Japanese occupation in 1945 caused the local people to become interested in being directly involved in national politics. Based on this development, the insistence on the formation of their own government without interference from the colonialists was growing stronger among the local community and this situation also occurred in Singapore. The development of nationalist awareness in Singapore caused the British to act and begin to organize actions for the process of self-government in this country starting from 1948. This period is considered the beginning of the change in the political landscape in Singapore through the introduction of the electoral system in 1948. In accordance with this action, the Constitution of Singapore was also amended. Both processes for self-government occurred in Singapore until 1959. This study uses primary sources obtained from the UK National Archive such as records from the Foreign Office, Foreign Commonwealth Office and Colonial Office. In addition, documents from the National Archive of Singapore such as documents from the Election Department were also used as sources for reference. The findings of this study summarize the actions taken by the British in their efforts to prepare for self-government in Singapore at the initial stage, encompassing two main matters,

namely constitutional amendments and the implementation of the electoral process carried out during the period 1948-1959.

**Keywords:** Singapore; politic; colonial; British; general election; constitution

## Pengenalan

Persoalan tentang nasionalisme di Singapura sering kali diperdebatkan kerana kepelbagaiannya penduduk, iaitu masyarakat Melayu, Cina, India dan Arab (Knapman, 2016). Walaupun begitu, kesedaran nasionalisme di Singapura didapati bermula pada awal 1920-an, iaitu pasca pan-Islamisme yang dibawa oleh masyarakat Arab ke rantau ini (Kuo, 2015). Antara kesan nasionalisme awal ini dapat dilihat pada penubuhan Kesatuan Melayu Singapura pada 1926. Kesedaran nasionalisme ini kemudian berkembang sehingga terhasilnya akhbar bahasa Melayu yang mengulas tentang politik Singapura dan Tanah Melayu iaitu Warta Malaya pada 1930 (Mutalib, 2012).

Tempoh pendudukan Jepun di negara-negara Asia dalam tempoh 1942-1945 memberi impak yang sangat besar terhadap perkembangan nasionalisme dalam kalangan masyarakat setempat (Cheah, 2003). Situasi ini tidak terkecuali di Singapura, walaupun perkembangan ini perlahan berbanding di Tanah Melayu, namun semangat untuk berkerajaan sendiri mula menular dalam kalangan ahli politik tempatan di negara ini (Cheah, 2003). Kesedaran untuk menuju kerajaan sendiri ini bermula setelah beberapa negara di Asia memperoleh kemerdekaan iaitu bermula di Indonesia pada 1945 dan India pada 1947. Semangat untuk kemerdekaan ini berjaya meresap dalam kalangan masyarakat di Asia Tenggara, termasuk Singapura (Cheah, 2003). Desakan untuk berkerajaan sendiri di Singapura mula berlaku dengan begitu meluas pada penghujung 1940-an.

Oleh kerana desakan untuk berkerajaan sendiri begitu kuat di Singapura dalam tempoh tersebut, perkara ini secara tidak langsung membuka mata para pegawai British di Singapura. Mereka melihat perkara ini perlu dipupuk dan dikawal dari peringkat awal, supaya tidak berlaku sebagaimana keadaan di India, sehinggakan mereka kehilangan tanah jajahan yang menyumbang kepada jutaan *Pound Sterling* setiap tahun (FCO 141/15628). Berdasarkan situasi tersebut pentadbiran British di Singapura dengan kerjasama pentadbiran pusat di London mula merangka beberapa dasar dan tindakan seperti mengadakan pilihan raya di seluruh negara dan meminda perlombagaan bagi membentuk kerajaan sendiri di Singapura.

## Sorotan Literatur

Walaupun kajian tentang perkembangan politik Singapura telah banyak ditulis oleh sarjana terdahulu, namun apek perbincangan yang dilakukan bersifat umum dan tidak fokus terhadap aspek kerajaan sendiri atau proses kemerdekaan yang melibatkan negara ini. Antara kajian awal yang memberi penekanan terhadap aspek perkembangan politik Singapura adalah buku oleh Yeo Kim Wah yang bertajuk *Political Development in Singapore, 1945-1955* yang dihasilkan pada 1973. Sungguhpun kajian ini memperincikan mengenai perkembangan politik Singapura dalam tempoh 1945-1955, Namun kajian ini tidak memperincikan tindakan British dalam menyediakan proses berkerajaan sendiri di Singapura. Begitu juga dengan kajian terbaru mengenai politik Singapura iaitu *Nationalism and Decolonisation in Singapore: The Malayan Generation, 1953-1963* oleh Thum Ping Tjin, kajian ini membincangkan mengenai pengaruh perkembangan kesedaran nasionalisme di Tanah Melayu terhadap masyarakat di Singapura. Namun begitu, aspek perbincangan yang dibuat adalah terlalu umum seperti penubuhan cawangan parti politik dari Tanah Melayu di Singapura dan tidak memperincikan perspektif British, terutamanya tindakan terhadap proses berkerajaan sendiri di negara ini.

Manakala kajian yang membincangkan mengenai sejarah singapura seperti *A History of Modern Singapore, 1819-2005* oleh C.M. Turnbull dan *Singapore: The Unexpected Nation* oleh Edwin Lee hanya memberi fokus terhadap aspek pensejarahan Singapura seperti dasar ekonomi dan pentadbiran kolonial di negara ini. Walau bagaimanapun, perkara penting seperti tindakan terhadap berkerajaan sendiri di negara ini tidak diperincikan dalam perbincangan yang dilakukan. Begitu juga kajian tentang perlombagaan Singapura iaitu *Constitutional Law in Singapore* oleh Kevin Tan. Kajian ini membincangkan mengenai perlombagaan

Singapura bermula dengan penubuhan Negeri-Negeri Selat pada 1826 sehingga perpisahan dengan Persekutuan Malaysia, namun konteks perbincangan itu dibuat secara umum. Oleh itu kajian ini tidak memperincikan tindakan British yang melibatkan pindaan perlombagaan pada peringkat awal, terutamanya dalam proses melakukan berkerajaan sendiri di negara ini.

Kajian tentang politik oleh Brenda S. A. Yeoh yang bertajuk *Contesting Space in Colonial Singapore: Power Relations and the Urban Built Environment* dan Michael D. Barr, *The Ruling Elite of Singapore, Networks of Power and Influence* membincangkan perkembangan politik di Singapura bermula dari tahun 1955. Walaupun kedua-dua kajian ini membincangkan mengenai penglibatan parti politik di Singapura dalam pilihan raya 1955 dan 1959, namun aspek tujuan kedua-dua pilihan raya tersebut diadakan tidak diperincikan. Perkara ini secara tidak langsung menyebabkan konteks persediaan yang dilakukan oleh British terhadap berkerajaan sendiri itu tidak diperincikan.

Secara asasnya, kajian yang dilakukan oleh sarjana terdahulu membincang sejarah dan politik Singapura secara umum tanpa memberi fokus terhadap aspek perkembangan berkerajaan sendiri, terutamanya tindakan yang dilakukan oleh British. Sehubungan dengan perkara tersebut, terdapat kelomongan yang perlu diisi oleh kajian terbaharu mengenai politik dan sejarah Singapura dengan memfokuskan tindakan yang dilakukan oleh pihak pentadbir British terhadap proses berkerajaan sendiri di Singapura.

## Metodologi

Kajian yang dilakukan berkenaan tindakan British terhadap berkerajaan sendiri di Singapura ini menggunakan kaedah kualitatif berdasarkan pendekatan sejarah. Sumber utama yang digunakan dalam perbincangan kajian adalah sumber primer, iaitu dokumen rasmi yang belum diolah meliputi laporan dari jabatan pilihan raya Singapura iaitu *Election Department* (ELD) yang diperoleh daripada *Singapore National Archive*. Selain itu, kajian ini turut menggunakan sumber dari *National Archive*, Kew seperti *Colonial Office* (CO), *Foreign Commonwealth Office* (FCO) dan *Foreign Office* (FO) bagi mendapatkan kesinambungan dari kajian yang dilakukan. Kesemua dokumen yang dinyatakan tersebut dianalisis secara tematik seperti yang dicadangkan oleh Ranke (2010). Kaedah analisis dokumen ini melibatkan dua peringkat iaitu mengenal pasti dokumen yang relevan dengan kajian dan membandingkan dokumen-dokumen tersebut itu bagi memastikan data yang kukuh. Misalnya penggunaan dokumen *Colonial Office* dan *Foreign Office* dipilih kerana kedua-dua dokumen ini mengandungi minit mesyuarat dan catatan mengenai dasar dan tindakan British terhadap Singapura dalam tempoh 1948-1959. Penggunaan sumber primer tersebut penting sebagai bukti utama yang memperincikan tindakan British terhadap politik di Singapura, terutamanya perkara yang melibatkan proses berkerajaan sendiri dalam tempoh 1948-1959.

## Hasil Kajian dan Perbincangan

### 1. Definisi Kerajaan Sendiri dalam Konteks Politik

Pada hujung 1940-an, cita-cita masyarakat tempatan terutamanya yang terlibat dalam politik secara langsung lebih tertumpu terhadap pembentukan negara yang bebas mengikut acuan sendiri tanpa campur tangan daripada pihak luar (FCO 141/15664). Justeru itu, kerajaan sendiri ini memberi makna yang besar terhadap individu atau kumpulan yang berjuang mengenai perkara ini sejak bertahun lamanya (FCO 141/7472). Dalam konteks politik, takrifan kerajaan sendiri adalah membentuk kerajaan dengan bantuan daripada parti atau kumpulan sendiri yang terdiri dari masyarakat tempatan (Triantafillou, 2016). Selain itu, kerajaan sendiri dalam konteks politik turut melibatkan dasar dan bentuk pentadbiran yang ditentukan sendiri oleh masyarakat tempatan tanpa ada campur tangan oleh pihak luar. Berdasarkan kepada definisi ini, kemahuan untuk berkerajaan sendiri di Singapura adalah menerapkan pentadbiran mengikut corak masyarakat tempatan, tanpa ada campur tangan dari British (FCO 141/14507).

Manakala dari perspektif British, mereka menganggap berkerajaan sendiri adalah tindakan mengusir British dari tanah jajahan Singapura. Gabenor Negeri-Negeri Selat, Shenton Thomas (1945-1946) menyatakan proses kerajaan sendiri yang dikehendaki oleh masyarakat di Singapura adalah bertujuan mengusir British keluar dari wilayah ini (FCO 141/14507). Situasi ini menyebabkan proses berkerajaan sendiri untuk Singapura perlahan berbanding tindakan oleh penjajah lain sama ada Perancis atau Belgium di Afrika (Jeppesen, 2017).

British menyatakan ancaman komunis menyebabkan proses perlahan, sedangkan Piagam Atlantik (*Atlantic Charter*) yang ditandatangani oleh mereka menyatakan pihak kuasa besar perlu melepaskan tanah jajahan kepada masyarakat tempatan, selaras dengan tuntutan kebebasan hak asasi manusia. Piagam Atlantik merupakan persetujuan yang dilakukan antara Amerika Syarikat, British dan Newfoundland (Kanada) pada 9-12 Ogos 1941. Matlamat utama piagam ini adalah memerdekaan negara yang dijajah (Woodward, 1971).

Walaupun piagam ini telah dipersetujui, namun British menyatakan proses berkerajaan sendiri negara jajahannya ditangguh kerana Perang Dunia Kedua. Menteri Hubungan Luar, Philip Noel Baker (1945-1946) menyatakan British hanya memberi kemerdekaan kepada beberapa buah negara sahaja ekoran dari tiada persediaan yang rapi (FO 1020/2135). Oleh itu, pasca Perang Dunia Kedua memperlihatkan negara-negara yang diberi kemerdekaan oleh British sebelum 1950 adalah India dan Pakistan pada 1947, Burma, Sri Lanka dan Palestin (sebahagiannya negara telah dibentuk sebagai Israel) pada 1948 (CO 859/671). Manakala di Singapura, British menyatakan proses berkerajaan sendiri wilayah ini perlu dilakukan melalui persediaan yang rapi supaya matlamat sebenar kemerdekaan itu dapat dicapai. Setiausaha Tanah Jajahan, Arthur Jones (1946-1950) menyatakan, proses untuk berkerajaan sendiri di Singapura ini memerlukan tempoh yang panjang kerana komunis masih berleluasa (FCO 141/14564). Oleh itu beliau menyatakan, British berhasrat melatih masyarakat tempatan mengenai pentadbiran terlebih dahulu sebelum Singapura mencapai kemerdekaan sepenuhnya (FCO 141/15039).

Oleh itu, proses berkerajaan sendiri di Singapura berlaku dalam tempoh yang panjang, iaitu bermula dari 1948 sehingga negara ini mendapat ‘kemerdekaan’ setelah terpisah dari Persekutuan Malaysia pada 1965. Hal ini berlaku disebabkan oleh tindakan berkerajaan sendiri oleh British hanya melibatkan perkara yang asas iaitu penglibatan masyarakat tempatan dalam pentadbiran (Thum Ping Tjin, 2024). Namun, desakan kuat oleh pemimpin politik tempatan menyebabkan proses ke arah berkerajaan sendiri di Singapura ini mula diaturkan oleh British mengikut tahap-tahap tertentu. Misalnya pada tahap pertama, British hanya melantik pemimpin tempatan dalam pentadbirannya. Manakala tahap kedua, British memperkenalkan sistem pilihan raya dan pada tahap ketiga, mereka mula menggubal semula Perlembagaan Singapura (CO 1030/475).

## 2. Tindakan British Terhadap Proses Berkerajaan sendiri di Singapura

Pentadbiran British mula merangka proses berkerajaan sendiri di Singapura melalui beberapa peringkat. Tindakan tersebut merangkumi dua perkara utama iaitu menggubal semula perlembagaan dan memperkenalkan proses pilihan raya.

### *Pindaan Perlembagaan 1948-1959*

Antara tindakan British bagi proses berkerajaan sendiri di Singapura adalah pindaan perlembagaan. Pada penghujung 1940-an, pindaan perlembagaan dilakukan dengan tujuan memperkenalkan sistem pilihan raya di Singapura (FCO 141/16888). Setiausaha Kolonial Singapura, Patrick McKerron (1946-1950) menyatakan pindaan perlembagaan Singapura ini untuk memberi pendedahan awal kepada pemimpin tempatan mengenai pentadbiran dan melibatkan rakyat untuk menentukan pemimpin mereka dalam Majlis Legislatif (FCO 141/16888). Justeru itu, pindaan perlembagaan ini secara asasnya merupakan tindakan untuk melibatkan masyarakat tempatan dalam pentadbiran Singapura secara langsung (FCO 141/16888).

Proses berkerajaan sendiri di Singapura melibatkan tiga peringkat pindaan perlembagaan dalam tempoh 1948 hingga 1959. Jadual 1 membincangkan pindaan perlembagaan Singapura dan isu penting yang berkaitan dengan pindaan tersebut. Berdasarkan kepada jadual tersebut, pindaan perlembagaan pada 1948 hanya melibatkan perubahan minimal sahaja, iaitu pindaan yang dilakukan bagi membolehkan British mengadakan proses pilihan raya untuk pertama kali di negara ini. Manakala pindaan perlembagaan yang dilakukan pada 1955 adalah berdasarkan kepada penggubalan sepenuhnya perlembagaan pertama Singapura melalui jawatankuasa yang ketuai oleh George Rendel dan pada 1958, perlembagaan Singapura sekali lagi dipinda iaitu perubahan status dari ‘Jajahan Mahkota’ kepada sebuah negeri British.

Jadual 1. Pindaan Perlembagaan di Singapura, 1948-1958

Tahun	Pindaan Perlembagaan	Perkara
1948	Pindaan pada <i>Singapore Order in Council 1946</i> , melalui klausa <i>Singapore Legislative Council Elections Ordinance, Part I (5)</i>	Mibenarkan pilihan raya diadakan di Singapura pada 1948
1955	Semakan semula <i>Singapore Order in Council 1946</i> oleh Suruhanjaya Rendel	Pengenalan <i>Singapore Colony Order in Council of 1955</i> atau dikenali dengan Perlembagaan Rendel yang melibatkan sebanyak 16 perkara.
1958	Perlembagaan Singapura ( <i>Singapore (Constitution) Order in Council 1958</i> )	Perubahan taraf Singapura dari status tanah Jajahan Mahkota kepada sebuah negeri British.

Sumber: Singapore: reconstitution of the Legislative Council; Elections Bill, FCO 141/16888 (1948)

Berdasarkan kepada Jadual 1, pindaan perlembagaan yang dilakukan pada 1948, memperlihatkan British hanya meminda satu perkara sahaja iaitu memasukkan klausa *Singapore Legislative Council Elections Ordinance, Part I (5)* bagi membolehkan pilihan raya diadakan di Singapura. Perkara ini dilakukan selaras dengan keputusan Majlis Eksekutif Singapura yang diketuai oleh Gabenor, Franklin Simson (1946-1950) pada mesyuarat 17 Mac 1946 sebulat suara bersetuju meminda perlembagaan tersebut bagi membolehkan pilihan raya diadakan di Singapura untuk pertama kali dalam sejarah politik negara tersebut (FCO 141/16888). Cadangan ini dibawa ke Parlimen UK pada 23 Januari 1947 dan dipersetujui oleh Setiausaha Tanah Jajahan, Arthur Jones (1946-1950). Beliau menyatakan perubahan kesedaran politik dalam kalangan masyarakat di Singapura memperlihatkan keperluan untuk mengadakan pilihan raya di negara ini, selaras dengan hasrat British bagi memberi pendedahan awal kepada rakyat untuk turut terlibat dalam proses pilihan raya ini (FCO 141/7472).

Perubahan yang berlaku terhadap Perlembagaan Singapura ini merupakan rentetan dari perubahan status British iaitu memansuhkan pentadbiran Negeri-Negeri Selat. Pemansuhan tersebut memperlihatkan Singapura diletakkan sebagai Jajahan Mahkota, manakala Dinding diserahkan semula kepada Perak dan Pulau Pinang serta Melaka diletakkan pentadbiran Malayan Union (Turnbull, 2009). Kedudukan status Singapura sebagai Jajahan Mahkota ini menyebabkan British menubuhkan Majlis Legislatif khusus untuk Singapura (FCO 141/16888). Pada peringkat awal penubuhan, ahli Majlis Legislatif ini dipilih sendiri oleh Gabenor Singapura. Namun begitu, Setiausaha Kolonial Singapura, Patrick McKerron mencadangkan agar pemilihan ahli majlis ini melalui proses pilihan raya sebagaimana yang diamalkan oleh di UK (FCO 141/16888).

Berdasarkan kepada persetujuan tersebut, peruntukan perlembagaan Singapura dipinda pada 1948 bagi membolehkan pilihan raya pertama diadakan di Singapura. Namun begitu, perlaksanaan pilihan raya pada peringkat awal ini amat ‘terhad’, iaitu hanya enam sahaja kerusi yang dipertandingkan berbanding 22 jumlah wakil yang ada dalam majlis tersebut. Selebihnya masih lagi dilantik oleh Gabenor secara langsung (FCO 141/15039). Patrick McKerron menyatakan, jumlah kerusi yang dipertandingkan ini memadai berdasarkan kepada jumlah pengundi berdaftar pada 1948 iaitu seramai 36,429 orang (FCO 141/15039). Walaupun pindaan perlembagaan 1948 melibatkan perkara kecil iaitu pengenalan sistem pilihan raya, namun pengertiannya besar terhadap politik Singapura kerana tindakan ini merupakan pengiktirafan terhadap pemimpin tempatan untuk terlibat dalam pentadbiran negara (Phing Tjin, 2024). Justeru itu, tindakan British meminda perlembagaan pada 1948 bagi membolehkan pilihan raya diadakan di Singapura merupakan langkah tepat sebagai panduan awal kerangka untuk berkerajaan sendiri di negara ini.

### *Pengenalan Perlembagaan Baharu 1955*

Pindaan perlembagaan yang dilakukan pada 1955 merupakan fasa kedua proses berkerajaan sendiri. Pentadbiran British di Singapura bersetuju untuk memperkenalkan perlembagaan khusus untuk Singapura. Perlembagaan ini dirangka sejurus Parlimen UK bersetuju untuk memperkenalkan pentadbiran eksekutif khas untuk Singapura. Perubahan ini melibatkan pengenalan jawatan Ketua Menteri sebagai ketua kerajaan, yang dilantik dalam kalangan ahli Dewan Legislatif yang menang pada pilihan raya (Reports Constitutional Commission). Pada 11 Ogos 1954, Setiausaha Kolonial Singapura, Patrick McKerron (1946-1950)

menyatakan pentadbiran Singapura akan berubah dan lebih mesra terhadap masyarakat tempatan (FO 371/135648).

Sejurus pengumuman ini dibuat, British mengumumkan penubuhan jawatankuasa bagi merangka perlembagaan Singapura yang pertama atau dikenali sebagai Perlembagaan Rendel (FO 371/135648). Perangkaan perlembagaan ini diketuai oleh sebuah suruhanjaya yang terdiri dari George Rendel yang bertindak sebagai pengurus manakala ahli jawatankuasa yang lain terdiri dari ahli akademik UK iaitu Professor Owen Philips, yang bertindak sebagai penasihat, J. D. Higham sebagai setiausaha suruhanjaya ini (Reports Constitutional Commission). Selain itu, suruhanjaya ini turut melibatkan pemimpin tempatan atau ahli Majlis Legislatif iaitu Tan Chin Tuan, Lim Yew Hock, N. A. Mallal, Ahmad bin Mohamed Ibrahim dan C. C. Tan (Reports Constitutional Commission). George Rendel menyatakan perlembagaan yang baharu dibentuk ini memerlukan kepakaran dari pemimpin tempatan supaya perlembagaan yang dibentuk mengikut acuan tempatan (Reports Constitutional Commission). Berdasarkan kepada perkara tersebut, penglibatan masyarakat tempatan dalam proses penggubalan Perlembagaan Rendel ini ditafsirkan sebagai permulaan terhadap proses berkerajaan sendiri di Singapura (Seen-Kong, 1987).

Pada 23 April 1956, pindaan dari Suruhanjaya Rendel diumumkan sebagai perlembagaan baharu Singapura oleh Gebenor, Robert Black (1955-1957). Beliau menyatakan melalui perlembagaan ini, politik Singapura lebih dinamik mengikut situasi dan norma masyarakat tempatan (CO 1030/81). Selain itu, beliau turut menyatakan Perlembagaan Rendel ini sebagai asas baharu untuk pendedahan terhadap masyarakat tempatan mengenai dasar dan pentadbiran Singapura (CO 1030/81). Perlembagaan Rendel yang diperkenalkan mengandungi 16 bahagian dan perangkaan yang paling penting adalah perkara yang melibatkan proses berkerajaan sendiri iaitu pada Bahagian Tiga iaitu pilihan raya dan Bahagian Enam, iaitu perkara melibatkan pentadbiran eksekutif (Reports Constitutional Commission). Melalui Perlembagaan Rendel ini, British menstrukturkan semula Majlis Legislatif kepada Dewan Legislatif (Reports Constitutional Commission). Selain itu, kedudukan kerusi yang dipertandingkan meningkat dari sembilan kerusi pada Pilihan Raya 1951 kepada 25 kerusi pada Pilihan Raya 1955 (Reports Constitutional Commission).

Untuk pindaan perlembagaan yang melibatkan bahagian eksekutif, George Rendel menyatakan perlantikan Ketua Menteri dalam kalangan masyarakat tempatan, perkara ini akan memberi pendedahan awal kepada pemimpin politik tempatan dalam melakukan pelbagai perkara yang membabitkan masyarakat seperti dasar politik, ekonomi dan kebijakan sosial (CO 1030/883). Walaupun begitu, Rendel menyatakan pentadbiran eksekutif yang baharu ini masih memerlukan British sebagai penasihat bagi memastikan proses pentadbiran berjalan dengan lancar (Reports Constitutional Commission). Sekiranya berlaku masalah, perkara ini akan membuka ruang kepada komunis untuk meluaskan pengaruh di Tanah Melayu dan Singapura (FCO 141/14507). Oleh itu, Perlembagaan Rendel yang digubal ini mengekalkan jawatan Gabenor Singapura yang dipegang khusus oleh British (Reports Constitutional Commission). Perubahan pentadbiran melalui Perlembagaan Rendel secara asasnya memperlihatkan politik Singapura maju setapak dalam proses berkerajaan sendiri untuk masyarakat dan pemimpin politik negara tersebut.

### *Pindaan Perlembagaan 1958 dan Perubahan Status Singapura*

Pada 1957, British mencadangkan untuk meminda semula Perlembagaan Singapura bagi menggantikan Perlembagaan Rendel 1955. Pindaan ini dilakukan berdasarkan kepada perubahan kedudukan geopolitik Singapura iaitu perubahan status dari Jajahan Mahkota kepada sebuah negeri British (Azlie, Govindasamy, 2019). Pada peringkat awal, perkara ini dicadangkan oleh Ketua Setiausaha Singapura, William Goode (1955-1958) memandangkan kegagalan Ketua Menteri, David Marshall berunding bagi kemerdekaan penuh Singapura (FO 1020/2135). Kegagalan ini menyebabkan beliau meletakkan jawatan Ketua Menteri dan digantikan oleh Lim Yew Hock. Pentadbiran Lim Yew Hock memperlihatkan dasar anti komunis diterapkan dan perkara ini menjadi faktor utama British bersetuju untuk mengubah status Singapura dari Jajahan Mahkota kepada negeri penuh tetapi masih dibawah penguasaan British (FO 1020/2135).

Persidangan Parlimen UK pada 11 April 1958 memperlihatkan Ahli Parlimen mengundi untuk bersetuju untuk mengubah status Singapura dari Jajahan Mahkota kepada sebuah negeri. Dalam persidangan tersebut, Setiausaha Negara Jajahan, Alan Lennox-Boyd (1954-1959) menyatakan Perlembagaan Singapura iaitu *Singapore (Constitution) Order in Council 1958* akan dipinda pada Bahagian Tiga hingga Enam iaitu

meliputi pentadbiran eksekutif selaras dengan perubahan status menjadi sebuah negeri penuh tetapi masih dibawah kawalan British (CO 717/202/6). Melalui perubahan ini, kuasa eksekutif diserahkan sepenuhnya kepada Ketua Menteri dan akan diperluaskan secara keseluruhan melibatkan perlantikan Menteri dan dasar negara (FCO 141/15093).

Pada 1 Ogos 1958, British secara rasmi mengisytiharkan Perlembagaan Singapura dipinda di Parlimen UK berdasarkan kepada *State of Singapore Act* bagi membolehkan status negara diubah dari Jajahan Mahkota kepada sebuah negeri (FCO 141/15079). Perubahan perlembagaan ini melibatkan beberapa perkara dan yang paling penting adalah bidang kuasa eksekutif. Pindaan Perlembagaan Singapura pada 1958 ini memperlihatkan pengenalan jawatan Yang Dipertuan Negara sebagai kedudukan yang tertinggi bagi menggantikan jawatan Gabenor (FCO 141/15079). Selain itu, individu yang dilantik sebagai Yang Dipertuan Negeri ini adalah individu dari masyarakat tempatan yang dicadangkan oleh Ketua Menteri (FCO 141/15093). Sebelum perlembagaan ini dipinda, jawatan Gabenor dilantik secara langsung oleh Perdana Menteri UK (Akmalhisham etc, 2015). Perubahan yang berlaku terhadap bahagian kuasa eksekutif Singapura ini sekali gus memperlihatkan tindakan British terhadap proses berkerajaan sendiri di negara ini semakin diperluaskan kepada masyarakat tempatan.

Selain itu, pindaan Perlembagaan Singapura pada 1958 turut melibatkan proses pilihan raya. Melalui pindaan ini, jumlah kerusi yang dipertandingkan ditambah dari 25 kerusi pada 1955 kepada 51 kerusi pada pilihan raya 1959 (FCO 141/15079). Berdasarkan kepada perubahan ini, jumlah kerusi ini sepadan dengan penduduk Singapura pada 1958 iaitu seramai 586,098 orang pengundi berdaftar (Election Reports, 1959). Perubahan ini dilaksanakan bermula dengan pilihan raya di Singapura pada 1959. Melalui perubahan ini, demokrasi di Singapura dapat diimplementasikan sepenuhnya malah yang lebih penting adalah mengembalikan hak rakyat iaitu menentukan kedudukan kerajaan sepenuhnya dalam proses pengundian kelak (Turnbull, 2009). Perubahan sistem pilihan raya melalui pindaan perlembagaan pada 1958 ini turut melibatkan status ahli Dewan Legislatif. Perlantikan secara langsung ahli dewan (*ex-officio* yang terdiri dari Ketua Setiausaha, Peguam Negara dan Setiausaha Kewangan) dimansuhkan kerana proses demokrasi tidak berlaku dengan menyeluruh.

Secara asasnya, pindaan Perlembagaan Singapura pada 1958 ini memperlihatkan, proses berkerajaan sendiri yang dilakukan oleh British di negara ini berkembang dari masa ke semasa. Pindaan perlembagaan ini secara tidak langsung memperlihatkan bidang kuasa eksekutif semakin kukuh untuk dikuasai oleh pemimpin politik tempatan. Sehubungan dengan perkara tersebut, penambahbaikan terhadap proses pilihan raya iaitu peningkatan jumlah ahli Dewan Legislatif membantu Ketua Menteri untuk mengukuhkan kedudukan terhadap bidang kuasanya pada bahagian eksekutif. Perubahan status dari Jajahan Mahkota kepada sebuah negeri ini secara asasnya membuktikan tindakan British ke arah berkerajaan sendiri di Singapura itu dilakukan mengikut fasa tertentu.

### *Perlaksanaan Sistem Pilihan Raya*

Dalam proses berkerajaan sendiri, sistem pilihan raya perlu diadakan supaya matlamat demokrasi itu tercapai (Gildea, 2019). Berdasarkan kepada perkara tersebut, British mula melaksanakan pilihan raya di Singapura pada 1948. Bermula dari tempoh itu, sebanyak tiga kali pilihan raya diadakan iaitu pada 1951, 1955 dan 1959. Keempat-empat pilihan raya yang diadakan ini bertujuan menyediakan proses berkerajaan sendiri di Singapura (Election Reports, 1959). Perkembangan sistem pilihan raya di Singapura dalam tempoh 1948-1959 turut memperlihatkan perubahan yang dilakukan oleh British terhadap proses berkerajaan sendiri berdasarkan kepada jumlah kerusi yang dipertandingkan. Jadual 2 membincangkan jumlah kerusi yang dipertandingkan di Singapura dalam tempoh 1948-1951. Berdasarkan kepada jadual tersebut, jumlah kerusi Majlis Legislatif yang dipertandingkan meningkat dalam tempoh 1948-1959. Pada 1948, sebanyak enam sahaja kerusi yang dipertandingkan. Jumlah ini meningkat kepada sembilan kerusi pada 1951 dan terus meningkat kepada kepada 25 kerusi pada 1955 dan 51 kerusi pada 1959.

Jadual 2. Jumlah Kerusi Majlis Legislatif yang Dipertandingkan di Singapura, 1948-1959.

Tahun Pilihan Raya	Jumlah Kerusi
1948	6
1951	9
1955	25
1959	51

Sumber: FCO 141/14854, Singapore: Legislative Assembly; composition and elections (1957)

Peningkatan ini selaras dengan tuntutan pemimpin tempatan yang mahukan kesemua rakyat di kawasan di Singapura mempunyai wakil rakyat sendiri. Perkara ini diusulkan oleh Tan Chye Cheng pada mesyuarat Majlis Legislatif pada 2 Mei 1952. Beliau menyatakan jumlah ahli dalam Majlis Legislatif perlu ditambah dahulunya melalui sistem pilihan raya supaya kegiatan politik di Singapura dapat melibatkan semua masyarakat tanpa mengira kaum dan kelas kawasan (CO 1030/637). Berdasarkan kepada saranan tersebut, British meningkatkan jumlah kerusi yang dipertandingkan di Singapura.

Walaupun begitu, pilihan raya yang diadakan pada 1948 dan 1951 tersebut tidak melibatkan perubahan pentadbiran eksekutif di Singapura (FCO 141/16888). Tujuan utama pilihan raya ini adalah untuk melantik wakil rakyat bagi terlibat dalam politik Singapura secara langsung melalui tindakan membawa suara rakyat dari kawasan masing-masing ke Mesyuarat Majlis Legislatif (FCO 141/16888). Pasca pilihan raya 1951, Setiausaha Kolonial Singapura, Wilfred Blythe (1950-1953), menyatakan wakil rakyat yang menang dalam pilihan raya diberi peluang untuk terlibat secara langsung dalam pentadbiran eksekutif (CO 717/202/6). Beliau menyatakan calon yang menang dalam pilihan raya akan dilantik sebagai ahli Majlis Legislatif yang memainkan peranan dalam membuat dasar dan keputusan kerajaan di Singapura melalui bimbingan dari British (CO 717/202/6). Antara mereka yang dilantik dalam pentadbiran British di Singapura dalam tempoh tersebut adalah Tan Chye Cheng ke jawatan Ahli Majlis Penasihat Kerajaan (CO 717/202/6). Melalui perlantikan ini, pentadbiran British di Singapura membawa perubahan satu langkah ke depan bagi proses berkerajaan sendiri di wilayah ini.

Pilihan raya yang diadakan pada 1955 ini memperlihatkan perbezaan ketara berbanding dua pilihan raya sebelumnya. Proses pilihan raya 1955 ini bertujuan membentuk kerajaan oleh parti politik yang bertanding (CO 717/202/6). Perkara ini dibuat selaras dengan tuntutan pemimpin tempatan dalam tempoh tersebut Misalnya Tan Chye Cheng dari Parti Progresif menyatakan parti politik tempatan perlu diberi peluang untuk terlibat dalam pentadbiran, terutamanya diperingkat eksekutif kerana mereka berhak untuk mempelajari selok-belok politik Singapura secara khusus (CO 1022/385).

Perkara ini dibawa ke mesyuarat Majlis Legislatif penggal ketiga di Singapura pada 12 Mac 1953 dan seterusnya dibincangkan di London pada 21 Jun 1953 (CO 1022/92). Keputusan mesyuarat di London pada tarikh tersebut sebulat suara bersetuju untuk mengadakan sebuah pilihan raya bagi membolehkan sebuah kerajaan baharu dibentuk di Singapura. Setiausaha Kolonial Singapura, Wilfred Blythe menyatakan, tujuan utama pembentukan kerajaan oleh pemimpin tempatan untuk mempercepatkan proses berkerajaan sendiri di Singapura. Selain itu, mesyuarat itu turut bersetuju pilihan raya ini akan menggunakan model sistem *first past the post* iaitu parti yang paling banyak memenangi kerusi yang dipertandingkan akan membentuk kerajaan seperti yang diamalkan di UK (CO 1022/92).


Pada Pilihan Raya 1955, Barisan Buruh (*Labour Front/LF*) pimpinan David Marshall berjaya memenangi sepuluh kerusi dan menewaskan Parti Progresif yang hanya menang empat kerusi (Election Reports, 1955). Bagi mengukuhkan kedudukan di dewan Majlis Legislatif, LF membentuk kerajaan bersama *United Malays National Organization* (UMNO) satu kerusi, *Malayan Chinese Association* (MCA) satu kerusi dan enam ahli ex-officio yang menyokong LF menjadikan jumlah keseluruhan adalah 18 dari 25 kerusi Majlis Legislatif (Election Reports, 1955).

Selepas pengumuman gabungan tersebut, David Marshall dilantik sebagai Ketua Menteri Singapura yang pertama pada 6 April 1955 dan bermula era politik baharu di negara ini. Usaha David Marshall memastikan proses berkerajaan sendiri sepenuhnya di Singapura dilakukan melalui pelbagai tindakan dari kerajaan yang dipimpin oleh LF. Antara tindakan tersebut adalah rundingan dengan pentadbiran di London (FCO 141/15050). Kunjungan pertama antara David Marshall ke London bagi membincangkan mengenai proses berkerajaan sendiri sepenuhnya di Singapura adalah pada Disember 1955, namun rundingan tersebut

gagal (FCO 141/15050). Kegagalan rundingan tersebut menyebabkan David Marshall meletakkan jawatan Ketua Menteri dan digantikan oleh Lim Yew Hock berkuatkuasa pada 8 Jun 1956 (FCO 141/15044).

Pilihan Raya 1959 merupakan pilihan raya seterusnya yang diadakan oleh pentadbiran British di Singapura dan merupakan pilihan raya terakhir yang diuruskan oleh British sebelum Singapura bergabung dalam Persekutuan Malaysia pada 16 September 1963. Pilihan raya yang diadakan pada 30 Mei 1959 memperlihatkan sebanyak 51 kerusi yang dipertandingkan. Bermula dengan pilihan raya ini, Majlis Legislatif Singapura ditukar kepada Dewan Legislatif, selaras dengan perubahan status Singapura dari Jajahan Mahkota kepada sebuah negeri (FCO 141/15093). Selain itu, gelaran ketua pentadbiran eksekutif iaitu Ketua Menteri ditukar kepada Perdana Menteri dan gelaran Gabenor ditukar kepada Yang Dipertuan Negara (FCO 141/15093). Perubahan ini memberi makna yang besar terhadap pemimpin politik tempatan kerana mereka bebas untuk menentukan dasar yang sendiri (FCO 141/15093).

Pertambahan jumlah kerusi yang dipertandingkan dari 25 kerusi pada Pilihan Raya 1955 kepada 51 kerusi pada Pilihan Raya 1959 memperlihatkan perubahan sempadan kawasan pilihan raya. Pertambahan kerusi ini secara tidak langsung menjadikan seluruh kawasan Singapura sekurang-kurangnya mempunyai dua hingga tiga wakil untuk setiap kawasan dan perkara ini bukan sahaja menguntungkan pemimpin politik tempatan, malah yang lebih penting dapat menjaga kebaikan masyarakat dengan lebih kompeten (CO 1030/475).



Rajah 1. Perbandingan Kawasan Pilihan Raya di Singapura 1948 dan 1959

Sumber: FCO 141/15093 Singapore: The State of Singapore Act 1958; CO 1030/475 Draft State of Singapore Bill (1958)

Rajah 1 menunjukkan perubahan kedudukan kerusi pada Pilihan Raya 1959 berbanding 1948. Pilihan Raya 1959 memperlihatkan hampir keseluruhan Singapura mempunyai kerusi berbanding Pilihan Raya 1948. Perubahan taraf dari Jajahan Mahkota kepada sebuah negeri ini menyebabkan jumlah kerusi di Singapura perlu ditambah mengikut nisbah masyarakat (CO 1030/475). Oleh itu Pilihan Raya 1959 ini memperlihatkan keseluruhan kawasan di Singapura mempunyai kerusi pilihan raya.

Perubahan status ini sekali gus membolehkan pentadbiran Singapura yang baharu menentukan sendiri dasar, namun hanya terhad kepada perkara yang melibatkan hal ehwal dalaman seperti lantikan kabinet dan jawatankuasa pentadbiran yang lain (CO 1030/475). Keputusan pilihan raya ini memperlihatkan buat julungkalinya politik Singapura didominasi oleh parti tunggal iaitu Parti Tindakan Rakyat (*People's Action Party/PAP*) pimpinan Lee Kuan Yew. Pada pilihan raya ini, PAP berjaya mengukuhkan kedudukan dengan memenangi 43 kerusi daripada 51 kerusi yang dipertandingkan (Election Reports, 1959). Kemenangan besar ini menjadikan PAP parti pertama yang berjaya membentuk kerajaan tanpa bantuan sokongan dari parti lain dan perkara ini menjadi asas awal kepada pengukuhan pengaruh PAP terhadap politik Singapura (Barr, 2014). Sejurus keputusan ini diumumkan, Lee Kuan Yew dipilih sebagai Perdana Menteri Singapura yang baharu pada 5 Jun 1959 (Election Reports, 1959).

Secara asasnya, proses pilihan raya yang diadakan dalam tempoh 1948-1959 merupakan sebahagian daripada tindakan British terhadap perkembangan berkerajaan sendiri di Singapura. Desakan semakin kuat

oleh pemimpin politik Singapura menyebabkan British melakukan perubahan tersebut. Perubahan yang berlaku sejak pilihan raya pertama diadakan pada 1948 sehingga 1959 memperlihatkan usaha yang dilakukan oleh British bagi memastikan proses ke arah berkerajaan sendiri ini lancar tanpa gangguan dari pihak luar, terutamanya komunis. Walaupun prosesnya perlahan dan mengambil masa yang lama, namun usaha ke arah berkerajaan sendiri itu dilaksanakan oleh British bagi mempersiapkan kemerdekaan sepenuhnya terhadap Singapura.

### **Kesimpulan**

Secara konklusinya, tindakan yang dilakukan oleh British terhadap proses berkerajaan sendiri di Singapura dalam tempoh 1948-1959 melibatkan dua perkara utama iaitu pindaan perlombagaan dan perubahan terhadap sistem pilihan raya di Singapura. British melakukan perubahan terhadap perkara yang penting mengikut susunan yang ditetapkan oleh mereka sendiri. Perkara ini bukan sahaja membantu untuk pemimpin tempatan mendapat pendedahan politik, malah dalam masa yang sama memberi pengalaman serta melatih pemimpin tempatan dalam pentadbiran negara mereka sendiri. Walaupun proses berkerajaan sendiri oleh British di Singapura lebih perlahan berbanding Tanah Melayu, namun perubahan yang dilakukan secara beransur-ansur ini membantu pemimpin politik tempatan belajar tentang dasar, pentadbiran eksekutif dan juga pengurusan ekonomi untuk negara. Di samping itu, pindaan Perlombagaan Singapura yang dilakukan pada 1955 dan 1958 ini turut melibatkan proses pilihan raya. Perkara ini menjadi elemen yang penting dalam membentuk sesebuah negara demokrasi. Perubahan pilihan raya dengan melibatkan rakyat dan khusus untuk warganegara ini membuktikan British mengembalikan hak rakyat Singapura dalam menentukan pentadbiran negara.

**Penghargaan:** Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Fakulti Pengajian Umum dan Pendidikan Lanjutan, Universiti Sultan Zainal Abidin dan Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya kerana memberi galakan dan panduan yang sempurna dalam membantu penulisan ini.

**Kenyataan Persetujuan Termaklum:** Kenyataan persetujuan termaklum telah diperolehi daripada semua subjek yang terlibat dalam kajian ini.

**Konflik Kepentingan:** Penulis mengesahkan bahawa tiada konflik kepentingan dalam kajian ini.

### **Rujukan**

- Akmalhisham, J., Munirah, A.S, & Mastura, S. A. Correlation Analysis of Singapore Land Reclamation Towards Its National Population. *e-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities*, 10(2), 1-15.
- Barr, M. D. (2014). *The Ruling Elite of Singapore, Networks of Power and Influence*. I. B. Tauris.
- Cheah, B. K. (2003). *Red Star Over Malaya: Resistance and Social Conflict During and After the Japanese Occupation of Malaya, 1941-1946*. Singapore University Press.
- Edwin, L. (2008). *Singapore: The Unexpected Nation*. ISEAS Press, 2008.
- Gildea, R. (2019). *Empires of the Mind: The Colonial Past and the Politics of the Present*. Cambridge University Press.
- Hefner, R. W. (2001). *The Politics of Multiculturalism: Pluralism and Citizenship in Malaysia, Singapore, and Indonesia*. University of Hawaii Press.
- Jeppesen, C. (2017). *Britain, France and the Decolonization of Africa: Future Imperfect?*. Routledge Inc.
- Khairi, A, Ramli, S., Syariehudin, A. & Ahmad, R., Dasar Kependudukan Kolonial British Di Negeri-Negeri Selat Sebagai Strategi Pembentukan Masyarakat Plural 1936-1941. *e-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities*, 12(3), 291-302.
- Khairul, G. K., Mohd, S. & Azlizan, M. E., Pembinaan Negara-Bangsa di Malaysia: Sorotan dari Segi Sejarah dan Cabarannya. *e-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities*, 21(1), 481-491. <https://doi.org/10.17576/ebangi.2024.2101.41>.
- Knapman, G. (2016). *Race and British Colonialism in Southeast Asia, 1770-1870: John Crawfurd and the Politics of Equality*. Taylor & Francis.

- Kuo, H. Y. (2015). *Networks Beyond Empires: Chinese Business and Nationalism in the Hong Kong-Singapore Corridor, 1914-1941*. Brills Limited.
- Mutalib, H. (2012). *Singapore Malays: Being Ethnic Minority and Muslim in a Global City-State*. Taylor & Francis.
- Ranke, L. V. (2010). *The Theory and Practice of History*. Taylor & Francis
- Report of the Constitutional Commission (George Rendel) (1954), Singapore.
- Singapore Election Department. (1955). Reports of Legislative Election.
- Singapore Election Department. (1959). Reports of Legislative Election.
- Tan, K. (2015). *The Constitution of Singapore: A Contextual Analysis*. Bloomsbury Publishing.
- The National Archive. (1948). FCO 141/16888. *Singapore: Reconstitution of the Legislative Council; Elections Bill*.
- The National Archive. (1949). FCO 141/15628. *Singapore Political Reports, 1949*.
- The National Archive. (1950). FCO 141/15664. *Singapore: Federation of Malaya Monthly Political Reports*.
- The National Archive. (1951). CO 717/202/6. *Organization and Methods: Reorganization of Government Administration, Singapore*.
- The National Archive. (1953). CO 1022/385. *Qualifications for election to the Singapore Municipal Legislative Council*.
- The National Archive. (1953). CO 1022/92. *Constitutional development of Singapore: proposed increase in number of elected members of the Legislative Council; work of the Rendel Commission on development of the constitution*.
- The National Archive. (1953). FCO 141/14507. *Singapore: Anti-Colonialism; its Effect on the Attitude of the Politically Conscious Indigenous Peoples*.
- The National Archive. (1953). FCO 141/7472. *Malaya: Growth of 'anti-colonial' Activity*.
- The National Archive. (1954). FO 1020/2135. *Establishment of Self Government*.
- The National Archive. (1955). FCO 141/14564. *Singapore: Communist Influence Among Chinese Students*.
- The National Archive. (1955). FCO 141/15050. *Singapore: David Marshall's Constitutional Discussions; London talks, December 1955*.
- The National Archive. (1956). CO 1030/81. *Singapore: Constitutional Development*.
- The National Archive. (1956). FCO 141/15044. *Singapore: Changeover from David Marshall's Government to Lim Yew Hock's Government*.
- The National Archive. (1957). CO 859/671. *Relations with Colonial Territories Becoming Independent*.
- The National Archive. (1958). CO 1030/475. *Draft State of Singapore Bill*, London.
- The National Archive. (1958). FCO 141/15093. *Singapore: The State of Singapore Act 1958*.
- The National Archive. (1958). FO 371/135648. *Draft Constitution for Singapore*.
- The National Archive. (1959). CO 1030/637. *Speeches in Legislative Assembly in State of Singapore*.
- The National Archive. (1959). CO 1030/883. (1959). *Proposed Constitution Exposition for Singapore*.
- The National Archive. (1959). FCO 141/15039. *Singapore: Conduct of Elections*.
- The National Archive. (1959). FCO 141/15079. *Singapore: Order in Council for new Constitution, 1958; Singapore (Constitution) Order in Council 1958*.
- Thum P. T. 2024. *Nationalism and Decolonisation in Singapore: The Malayan Generation, 1953-1963*. NUS Press.
- Triantafillou, P. (2016). *The Politics of Self-Governance*. Routledge.
- Turnbull, C. M. (2009). *A History of Modern Singapore, 1819-2005*. NUS Press.
- Woodward, E. L. (1971). *British Foreign Policy in the Second World War*. Government Print.
- Yeo, K. W. (1973). *Political Development in Singapore, 1945-1955*. Singapore University Press.
- Yeoh, S. A. (2003). *Contesting Space in Colonial Singapore: Power Relations and the Urban Built Environment*. Singapore University Press.